

Team S'pore tampil kontingen terbesar Sukan SEA di luar negara

► **FAKHRURAZDI ISMAIL**
mfismail@sph.com.sg

PARA atlet dan pegawai kontinjen Team Singapura yang akan ke temasya Sukan SEA dan Sukan Para Asean 2017 di Kuala Lumpur tahun ini telah berkumpul di OCBC Square Hab Sukan Singapura semalam sebelum memulakan kempen mereka dalam acara sukan dwitahunan itu.

Sejumlah 569 atlet daripada 35 bidang sukan akan mewakili Singapura dalam Sukan SEA ke-29 yang bermula dari 19 hingga 30 Ogos, manakala seramai 94 atlet daripada 11 bidang sukan akan beraksi di Sukan Para Asean (APG) dari 17 hingga 23 September nanti.

Jumlah ini menjangkau rekod seramai 429 atlet yang dihantar untuk bertanding di Sukan SEA Jakarta 1997 dan 57 atlet APG sewaktu di Thailand pada 2008.

Dengan hanya 27 hari lagi sebelum temasya sukan serantau itu bermula, ahli keluarga dan rakan menyertai atlet negara untuk menyaksikan upacara penyampaian bendera yang disampaikan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga serta Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura, Encik Tan Chuan-Jin, dan Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu.

Penembak Singapura Jasmine Ser dan para-atlit lompat jauh negara Suhairi Suhani telah diumumkan



TEAM SINGAPORE UNTUK KL: Para atlet dan pegawai Sukan SEA dan APG yang akan ke KL bergambar beramai-ramai di Hab Sukan Singapura semalam. – Foto SPORTSG

sebagai pembawa bendera, dan telah menerima bendera daripada ketua rombongan (*chefs de mission*) bagi Sukan SEA dan APG – Milan Kwee dan Shirley Low.

“Team Singapore diwakili atlet yang baru dan berpengalaman dalam pelbagai acara sukan serta juga dalam sukan baru seperti kriket, hoki dalam bangunan selain acara su-

kan musim sejuk yang membuat penampilan sulungnya di temasya sukan ini.

“Tidak melihat pada latar belakang mereka, saya yakin mereka akan menjadi duta negara yang terbaik sebaik mungkin,” kata Encik Tan dalam ucapan pembukaannya di upacara tersebut.

Ser, yang akan bersaing dalam Su-

kan SEA untuk kali keenam, mengalu-alukan peranannya sebagai pembawa bendera dan menganggap tanggungjawab tersebut sebagai satu “kehormatan besar”.

Beliau berkata: “Saya sering menyaksikan majlis pembukaan dan juga telah menghadiri beberapa majlis tersebut, tetapi saya tidak pernah terfikir saya akan

dipilih sebagai pembawa bendera. Saya gembira dan saya harap rakyat Singapura akan menyokong kami di Sukan SEA nanti.”

Bagi Suhairi, beliau berasa amat teruja dengan penghormatan yang diberi untuk membawa bendera Singapura, mengetahui kontinjen terbesar negara di APG.

“Penghormatan dan perasaan

bangga sebagai pembawa bendera bagi kontinjen terbesar negara dalam APG merupakan sesuatu yang sungguh luar biasa.

“Di samping itu, peluang yang diberi untuk sentiasa melakukan yang terbaik setiap kali bertanding dengan atlet terbaik rantau ini merupakan sesuatu yang tidak ternilai,” ujarnya.